

28/06/2003

Empat catat rekod tunggang jet-ski Langkawi-Sabah

KOTA KINABALU: Empat rakyat Malaysia semalam mencipta rekod sebagai pasukan penunggang jet-ski pertama yang berjaya menyeberangi Laut China Selatan dari Semenanjung ke Malaysia Timur.

Keempat-empat mereka, Alex Chai, 35; Simon Low, 35; Rosli Bagat, 38, dan

Nazar Omar, 38, tiba di destinasi terakhir mereka di Sutera Harbour Marina

di sini pada jam 3.20 petang, selepas mengharungi perjalanan penuh cabaran

sejauh 2,411 kilometer selama 18 hari.

Ketibaan peserta acara Cabaran Malaysia X 2003 ini disambut Pengerusi Lembaga Pelancongan Sabah, Datuk Tengku Zainal Adlin Tengku Mahmood; Ketua

Pegawai Eksekutif Sutera Harbour Resort, Datuk Edward Ong dan Pengerusi Persatuan Pelancongan Sabah, Clement Lee serta ahli keluarga.

Sebelum tiba di sini, mereka terpaksa mengharungi pelbagai pahit getir termasuk pancaran mentari yang membakar tubuh serta gelombang besar, kadang-kala setinggi tiga meter.

Pasukan itu memulakan perjalanan dari Langkawi pada 10 Jun, menuju ke Pulau Pinang, Lumut, Pelabuhan Klang, Melaka, Johor Bahru, Pulau Acastar,

Pulau Muri, Kuching, Mukah, Miri dan Labuan, sebelum tiba di sini.

Ketua pasukan, Alex Chai, berkata semua mereka berasa amat gembira kerana berjaya menyempurnakan perjalanan itu yang akan tercatat dalam Malaysia Book of Records sebagai perjalanan paling jauh dengan jet ski.

"Kami benar-benar berazam untuk menyempurnakan misi ini. Tak seorang pun

dalam pasukan ini yang merungut. Kami berasa amat gembira.

"Ombak yang bergelora setinggi tiga meter, menunggang skuter hingga 10 jam satu hari dan kepanasan adalah cabaran yang terpaksa ditempuhi dalam 18 hari itu," katanya.

Beliau berkata, perjalanan paling mencabar ialah bagi jarak 300 kilometer (km) dari Johor Bahru ke Pulau Acastar, satu daripada dua pulau

yang menjadi tempat bermalam kumpulan itu sebelum tiba di Kuching.

"Kami mengalami cuaca yang amat buruk sebaik saja melepasi Pulau Batu Putih. Sepanjang perjalanan sejauh 300 km itu, kami dilanda gelombang besar. Ketika dilambung gelombang, kami tidak dapat melihat satu sama lain

kerana dilindungi ombak," katanya.

Ditanya tentang rancangan anggota pasukannya selepas ini, Chai berkata,

mereka bercadang mengelilingi pulau Borneo.

"Tetapi, sebelum itu, saya perlu kembali bertugas...sudah sebulan lamanya saya bercuti," katanya.

Sementara itu, Pengurus pasukan, Bruce Chai, berkata mereka akan menjadikan kejayaan ini sebagai hadiah perpisahan untuk Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan melepaskan jawatan sebagai Perdana Menteri,

Oktober ini.